



Fokus

# Perasmian



# Anjung KUKUM



**Tanggal 22 Ogos 2005** satu lagi tarikh bersejarah bagi warga KUKUM dicatatkan apabila sebuah pejabat perwakilan yang dinamakan Anjung KUKUM yang terletak di Tingkat 7, Bangunan Angkasa Raya, Jalan Ampang, Kuala Lumpur telah sempurna dirasmikan oleh D.Y.M.M. Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Canselor KUKUM.

Majlis yang dilangsungkan secara sederhana ini, dihadiri oleh seramai kira-kira 100 orang terdiri daripada Prof. Dato' Dr. Hassan Said selaku Wakil Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Y.B. Tuan Hj. Azam Rashid wakil Y.A.B. Menteri Besar Perlis, Dato' Ramli Abbas, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti, Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Pegawai-Pegawai Tertinggi Universiti, Ketua Jabatan, Dekan dan sebahagian Staf KUKUM. Upacara perasmian juga dapat disaksikan secara langsung oleh semua Staf KUKUM melalui internet di kampus induk KUKUM.

Pada majlis tersebut juga turut berlangsung satu upacara penyerahan cek bayaran Zakat Perniagaan Bank Rakyat kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. D.Y.M.M Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail serta dif-dif kehormat juga dibawa melawat di sekitar Anjung KUKUM bagi melihat sendiri secara dekat kemudahan dan prasarana yang terdapat di pusat berkenaan.

Anjung KUKUM merupakan pejabat perwakilan KUKUM yang pertama beroperasi terletak di luar kampus induknya di Perlis. Pejabat ini telah beroperasi sejak 1 April 2005 dan kini mempunyai seramai lapan orang staf. Sesuai dengan kedudukan strategik di tengah bandaraya Kuala Lumpur, Anjung KUKUM menyediakan pelbagai kemudahan untuk bilik persidangan dan bilik mesyuarat kepada pihak di dalam dan di luar KUKUM. Selain itu, Anjung KUKUM dijadikan juga sebagai pusat informasi akademik KUKUM dan tempat pertemuan dua hala antara industri dengan penyelidik KUKUM.